

BENGGKEL AMALAN 5S

Amalan 5S merupakan satu konsep mewujudkan persekitaran berkualiti secara sistematik dan praktikal. Melalui amalan ini, tempat kerja menjadi lebih teratur dan selesa sepanjang masa. 5S adalah asas kepada peningkatan produktiviti dan kualiti kerja.

Sekolah perubatan mengambil langkah inisiatif dengan menganjurkan satu bengkel Amalan 5S bagi kumpulan kakitangan sokongan yang baru melapor diri pada tahun ini. Bengkel ini telah diadakan pada 20 Februari 2010, Sabtu bertempat di Bilik mesyuarat Sekolah dan telah berlangsung dari 8 pagi sehingga 5 petang.

Antara objektif bengkel ini adalah memperolehi pengetahuan mengenai konsep, struktur, prinsip dan amalan amalan yang terdapat dalam program Amalan 5S, memupuk kemahiran bekerja secara kumpulan dan kerjasama, pengurusan tempat kerja yang lebih teratur dan sistematik serta penambahbaikan secara berterusan di tempat kerja.

Oleh Rina Norgainathai